

28 JUL 2004

LID-Rangkuman

SEMUA BERSEDIA BAGI DIALOG ANTARABANGSA LANGKAWI KE-7

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Semuanya telah bersedia bagi Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi yang bermula esok apabila negara-negara membangun sekali lagi bersemuka untuk menangani isu-isu yang menghalang kemajuan mereka ke arah pembangunan.

Presiden, perdana menteri, usahawan dan raja semua berkumpul di pulau legenda ini untuk mengambil bahagian dalam perbincangan selama tiga hari dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk di negara membangun Selatan.

Di bawah "marquees" (khemah putih besar) yang dibina di perkarangan Pelangi Beach Resort, seramai 700 peserta akan mengadakan perbincangan mengenai isu-isu tertunggak seperti pembasmian kemiskinan dan usaha-usaha menggalakkan perkongsian pintar di kalangan sektor korporat negara yang menyertainya.

Naib Presiden Afrika Selatan Jacob G. Zuma berterus terang apabila ditanya bahawa globalisasi dan kemiskinan adalah dua isu besar yang dihadapi dunia hari ini.

"Meskipun dunia sedang pesat dibangunkan, namun masalah yang dihadapi negara termiskin masih gagal ditangani," katanya semasa ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, hari ini.

Dialog tiga hari itu yang bertemakan "Ke Arah Dunia Lebih Pintar-Menyatukan Cabaran Pembangunan Dengan Keselamatan Dunia Menerusi Dialog", akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Ini adalah kali pertama dialog dwitahunan itu diadakan di bawah pengurusan Abdullah yang juga Penaung Global 2004.

Para pemimpin dijangka menilai kemajuan yang dicapai oleh proses perkongsian pintar dan mengambil langkah seterusnya untuk meningkatkannya bagi mewujudkan dunia yang lebih saksama.

Penaung Global 2003, King Mswati III dari Swaziland, berkata beliau berharap dapat menyentuh mengenai isu bagaimana ekonomi kecil boleh

bekerjasama dengan negara-negara yang mempunyai ekonomi lebih maju di dialog Langkawi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaludin Jarjis lebih jelas dalam mengeluarkan pendapatnya mengenai LID yang diilhamkan oleh bekas perdana menteri Dr Mahathir Mohamad pada 1995.

Dalam perutusan yang dikeluarkan sebelum LID, beliau berkata dialog berkenaan akan memberi penekanan bagi memenuhi cabaran mewujudkan dunia yang lebih saksama supaya jurang antara mereka yang miskin dan yang kaya boleh dirapatkan.

"Ini memerlukan keberanian pemimpin, kerajaan, komuniti perniagaan dan masyarakat secara keseluruhan dalam menangani cabaran itu," katanya.

Sentimen beliau disokong oleh Presiden Namibia Dr Sam Nujoma yang berkata hubungan perniagaan dan perdagangan antara negara maju dan membangun perlu berdasarkan kepada faedah bersama bagi semua pihak yang terlibat.

"Eksplotasi manusia oleh manusia tidak sepatutnya dibenarkan berlaku," kata veteran LID yang mengetuai Namibia, negara dengan 1.95 juta penduduk, sejak Mac 1990.

-- BERNAMA

MAM TOM NHD ZK